



Effective Date: 6 November 2017

MASTERCARD PRICELESS SPECIALS MALAYSIA - PRIVACY POLICY

Mastercard respects your privacy. This Privacy Policy describes how we process personal data, the types of personal data we collect, for what purposes we use that personal data, with whom we share it, and the choices you can make about our use of the personal data. We also describe the measures we take to protect the security of the personal data and how you can contact us about our privacy practices.

Mastercard Asia/Pacific Pte Ltd (“**Mastercard**”) is the entity responsible for the processing of your personal data in the context of the **Mastercard Priceless Specials Malaysia** (“**Program**”). Your visit to <https://www.specials.mastercard.com.my> the “**Site**”) and participation in the Program is subject to this Privacy Policy and to our [Terms of Use](#).

This Privacy Policy applies to the personal data collected via the Program only. It does not cover the collection and use of your personal data on any Mastercard branded websites or by your Mastercard Card issuers (e.g., your bank), or any other information or communications that may reference to Mastercard outside the program (e.g., communications from banks, card issuers). For more information about Mastercard’s privacy practices outside the scope of the Program, please visit our Global Privacy Policy at www.mastercard.com.

Children and minors (under the age of 18) are not eligible to register in the Program.

Click on one of the links below to jump to the listed section:

1. [Personal Data We Collect](#)
 - 1.1 [Personal Data You Provide Us Directly](#)
 - 1.2 [Personal Data We Collect Automatically](#)
2. [How Do We Use Personal Data We Collect](#)
3. [Your Rights and Choices](#)
4. [Information We Share](#)
5. [Data Transfers](#)
6. [Links to Other Websites](#)
7. [Data Security](#)
8. [Update to this Privacy Policy](#)
9. [How to Contact Us](#)

1. Personal Data We Collect

We collect personal data in the context of the Program. By personal data we mean “any information relating to an identified or identifiable natural person.” The personal data we process is either provided directly by you or collected automatically.

1.1 Personal Data You Provide to Us Directly

The personal data you provide to us directly are processed and used only for the purposes described in this Privacy Policy. The personal data that you provide in the context of the Program are never obligatory, unless marked otherwise for the purpose of providing you with our services. If you



choose not to give some data, this may affect the way you navigate on the Site or the services that we can offer you. Please find below information on how you may provide this data, the types of data you may submit, and how we may use the data.

Registration Process: You may register with the Program through the Site. In order to register with the Program, you must provide us with some of your personal data such as your name, email address, mobile number and card account number. The provision of the personal information is required in order to participate in the Program. Mastercard will not be able to provide the benefits of the Program if the personal information is not provided. To complete your registration, you must accept the Terms of Use and Privacy Policy applicable to the Program.

Marketing Communications and Offers: During the registration process, you may wish to opt-in for receiving marketing communications via email and SMS so that we can let you know when related offers and opportunities become available.

In order to send you these marketing communications, we use your personal data such as your name, mobile number or e-mail address. You can, at any time and free of charge, choose not to receive any notifications by utilizing the unsubscribe functionality within the e-mail or SMS sent to you, or through the "Contact Us" page on the Site. You can also use the "Manage your profile" section to opt-out from receiving marketing communications or to specify which, if any, marketing communications you would like to receive.

Your account: At any time after logging in you can access your account by clicking on "Manage your profile". Once you have successfully entered the My Account page, you can view or change your personal details (e.g., name, email address, password) and manage your e-mail subscriptions. You may also select to deactivate your Program account by contacting us through the "Contact Us" page on the Site

If you no longer want to benefit from the Program, you may request that your account be cancelled. Please note that if you cancel your account, we cannot collect or use your personal data and you will not be able to benefit from the Program.

Customer Service: If you contact us through our customer support, you will be required to provide personal information (such as name, email address, phone number) to allow us to contact you to resolve your enquiries and to allow us to assist you with enquiries and provide customer service.

1.2 Personal Data We Collect Automatically

We, and our service providers, may collect certain information by automated means (e.g., cookies, log-file, web beacons) when you participate in the Program. The data which we collect may include: IP address, mobile device IP address, mobile device unique identifier, browser type and setting data (such as screen resolution, color depth, time zone settings, browser extension and plugins, fonts, etc), operating system, referring URLs and information on actions taken or interaction with our digital assets. The data collected automatically are processed for the purposes identified in section 2 of this Privacy Notice in order to improve the Program and the Site, perform data analyses to assess the use of the Program and the Site, and any interaction with other sites (e.g. social media sites), and to provide you with the best information and services. The information we collect in this way tells us, for example, how many users visited our website and the pages accessed, whether you have visited us before or if you are a new visitor, and helps us to identify features in which you may have the greatest interest. This information also allows us to make improvements and to enhance your



experience. A “cookie” is a text file placed on a computer’s hard drive by a web server. A “web beacon,” also known as an Internet tag, pixel tag or clear GIF, is used to transmit information back to a web server.

Browser Data

In addition to the above, we, and our service providers, may automatically collect browser data from your device. Browser data consists of information about settings on the configuration of the browser you use to access the Program. This may include screen resolution and color depth, time zone settings, browser extensions and plugs installed in the browser and versions thereof, fonts installed on the browser, the user agent string and other similar data. This data is used to create a unique fingerprint of the browser used to access the Program to remember the choices made by that browser and to assist in preventing fraud and enhancing the security of the Program and Site. We may offer users of our Program choices to opt-out of the collection and fingerprinting of browser data via our Cookie Consent Tool.

Third Party Analytics

We may use third-party web analytics services. The analytics providers that administer these services use technologies such as cookies and web beacons to help us analyse how visitors use the Program. You can also opt-out of analytics via the Cookie Consent Tool on the Site. Please see the “Your Rights and Choices” section of this Privacy Notice to learn about your ability to opt out or limit the use of your browsing behaviour for online behavioural advertising purposes.

Tailored Advertising

We, and our service providers, may also collect information about your interactions with the Program and the Site for use in providing you with content and advertising tailored to your individual interests. We may also use your personal data and other information obtained about you from companies that use or facilitate the use of other Mastercard products or services and from publicly available information systems to deliver advertising and offers that may be of interest to you. You may see certain ads on other websites because we (and our partners) use data collected via the Program and the Site to customize advertisements to you on third-party websites. This collection and use allows us to target our messaging to users through demographic, interest-based and contextual means. In connection with providing you customized advertisements, third parties on our websites may track your online activities over time and across third-party websites by collecting information through automated means, including through the use of cookies, web server logs and web beacons. The information collected includes information about your visits to certain websites, the pages or advertisements you view and the actions you take on those websites. This data collection takes place on the Site and on third-party websites. This process also helps us track the effectiveness of our marketing efforts. Please see the “Your Rights and Choices” section of this Privacy Notice to learn about your ability to opt out or limit the use of your browsing behaviour for online behavioural advertising purposes.

Web Beacons and Email Tracking

When we send emails to people with a registered Program account, we may track behaviour such as who opened the emails and who clicked the links. We do that to measure the performance of our emails and to improve our features. To do this, we include single pixel gifs, also called web beacons, in emails we send. Web beacons allow us to collect information about whether an email has been opened and the number of clicks inside that email. We use the data from those web beacons to create the reports about how our email campaign performed and what actions individuals took within the



email (e.g. links clicked). If you do not wish for us to track emails we send you, some email services allow you to adjust your display to turn off HTML or disable download of images which should effectively disable our email tracking.

2. How Do We Use Personal Data We Collect

We may use the personal data we obtain about you to:

- create and manage your online account, provide the Program, and respond to your inquiries;
- validate your payment card information;
- analyzing all transactions made by registered branded cards under the Program to calculate rewards, awarding or allocating the rewards to you, and providing relevant program information to you;
- award the reward to you;
- for security checks to verify the identity of the individual or that individual's eligibility for the Program;
- provide, administer and communicate with you about products, services and promotions including the display of customised content and advertising;
- protect against and prevent fraud, unauthorised transactions, claims and other liabilities, and manage risk exposure and franchise quality;
- operate, evaluate and improve our business (including by developing new products and services; managing our communications; determining the effectiveness of our advertising; analysing our products, services and websites; facilitating the functionality of our websites; and performing accounting, auditing, billing, reconciliation and collection activities);
- prepare internal reports for use by Mastercard or its affiliates, staff, management, and consultants in operating, evaluating and managing Mastercard's business;
- anonymize personal data and preparing and furnishing aggregated data reports showing anonymized information (including, but not limited to, the following: compilations, analyses, analytical and predictive models and rules, and other aggregated reports) for the purpose of advising our customer and partners regarding past and potential future patterns of spending, redemptions and other insights that may be extracted from this data;
- enforce our [Terms of Use](#);
- ensure compliance with applicable legal requirements and industry standards and our policies;
- audit, monitor the use of and improve our interactive assets, including the Site; and
- as may be required by applicable laws and regulations or requested by any judicial process or governmental agency having or claiming jurisdiction over Mastercard or Mastercard's affiliates.

3. Your Rights and Choices

You may have certain rights under applicable law regarding the personal data we maintain about you. We offer you certain choices about what personal data we collect from you, how we use that information, and how we communicate with you.

- **Account Information and Marketing Preferences:** If you have a Program account, you can access your account at any time by logging into your account. You can view or change your personal details and manage your marketing preferences by logging into the Site and changing your preferences there. You can at any time tell us not to send you marketing communications by e-



mail or SMS by utilizing the unsubscribe functionality within the e-mail or SMS sent to you or by changing your settings on your preferences page on your account. We will apply your preferences going forward. In some circumstances, withdrawing your consent to our use or disclosure of your personal data will mean that you cannot take advantage of certain products or services.

- **Third Party Analytics:** As indicated above, we may use third-party web analytics services to analyse how you use the Program, your usage of the Site and other Mastercard websites. You can also opt-out of analytics on the Site via the Cookie Consent Tool.
- **Online Behavioural Advertising and Other Cookie Preferences:** We may offer users of the Program and visitors to the Site choices to manage their cookie preferences through the Cookie Consent Tool displayed on the Site. Your browser may tell you how to be notified and opt out of receiving certain types of cookies, including analytics and advertising cookies.

Where required by law, Mastercard obtains your prior opt-in consent at the time of collection for the processing of (i) personal data for marketing purposes, (ii) personal data deemed sensitive pursuant to applicable law, or (iii) personal data to be used for other data processing activities for which your consent may be required.

Subject to applicable law, you may have the right to request access to and receive information about the personal data we maintain about you, update and correct inaccuracies in your personal data, to object to the processing of your personal data and have the information blocked or deleted, as appropriate. The right to access personal information may be limited in some circumstances by local law requirements. To update your preferences, ask us to remove your information from our mailing lists or submit an access request, please contact us as specified in the [“How to Contact Us”](#) section below.

3. Information We Share

We do not disclose personal data collected in the context of Program, except as described here.

We may share your personal data with our headquarters and affiliates, including Mastercard International Inc. We may also share your personal data provided with service providers we have retained to perform services on our behalf and in relation to the purposes described in this Privacy Policy. Examples include our operating platform provider and email service provider. We require them to only process the data in accordance with our instructions and to guarantee the security of the data. These service providers are not authorized by us to use or disclose the information, except as necessary to perform services on our behalf or to comply with legal requirements. We require these service providers by contract to appropriately safeguard the privacy and security of personal data they process on our behalf.

We may share your personal data with your wallet provider or your issuing financial institution for the purpose of awarding the reward to you, and to communicate the award of the reward to you.

In addition, we may disclose personal data about you (i) if we are required to do so by law or pursuant to legal process, (ii) in response to a request from a court, law enforcement authorities or government officials, or (iii) when we believe disclosure is necessary or appropriate to prevent physical harm or financial loss or in connection with an investigation of suspected or actual criminal activity.



We reserve the right to transfer any data we have about you in the event we sell or transfer all or a portion of our business or assets. Should such a sale or transfer occur, we will endeavor to use reasonable efforts to seek that the transferee uses the personal data you have provided through the Program in a manner consistent with this Privacy Policy.

In addition, we also may share aggregated or anonymized data with third parties for any lawful purpose.

4. Data Transfers

We may transfer personal information to countries other than the country in which the data was originally collected. These countries may not have the same data protection laws as the country in which you initially provided the information. When we transfer your personal information to other countries, we will protect that information as described in this Privacy Notice.

Mastercard is a global business. To offer our services, we may need to transfer your personal information among several countries, including the United States, where we are headquartered. We comply with applicable legal requirements providing adequate safeguards for the transfer of personal information to countries outside of the European Economic Area or Switzerland.

5. Links to Other Websites

On the Site, we provide links to other websites for your convenience. In particular, the Program will contain links to merchants whose offers you may be interested in. These sites operate independently from the Program and are not under our control. These sites may have their own privacy policies in place, which we strongly suggest you review when you visit them. We are not responsible for the content of these sites, any products or services that may be offered through these sites, the data processing activities that are conducted via those sites, or any other use of these sites.

6. Data Security

We maintain appropriate administrative, technical and physical safeguards to protect personal data against accidental or unlawful destruction, accidental loss, unauthorized alteration, unauthorized disclosure or access, misuse, and any other unlawful form of processing of the personal data in our possession.

When you provide personal data online, we use the industry standard for encryption on the Internet – Secure Socket Layer (SSL) technology – to help protect the information that you provide. This Internet encryption standard scrambles data as it travels from your device to our server. You will know that you are in a secure area of the Site when a lock icon appears on your screen that the “http” prefix of our URL address changes to “https.” The “s” represents “secure”. We also use digital certificates to ensure that you are connected to the authentic Site.

Please note however that no collection or data transmission can be guaranteed to be 100% secure. Therefore, while we strive to protect your personal data, we cannot guarantee or warrant the security of any data transmission.



We will never ask you for your password in any unsolicited communication (including unsolicited correspondence, such as letters, phone calls or e-mail messages). If you believe your user name and password have been compromised, please contact us by following the instructions provided in the section "How to Contact Us" below.

7. Update to this Privacy Policy

This Privacy Policy may be updated periodically and without prior notice to you to reflect changes in our personal data practices. We will post a prominent notice on our websites to notify you of any significant changes to our Privacy Policy and indicate at the top of the notice when it was most recently updated. In addition, in the event of a material change to the Privacy Notice, you may be asked to reaccept the Privacy Notice when signing in to your account.

8. How to Contact Us

If you would like to (i) obtain more information on how we process your personal data or to access your personal data; (ii) rectify, block or delete any personal data relating to you; (iii) withdraw your consent given for certain types of data processing; (iv) change your preferences or remove your e-mail address from our mailing lists; or (v) if you have any questions, comments or concerns about our privacy practices, please contact us through the "Contact Us" page at the Site, or contact us by emailing us at privacyanddatausage@mastercard.com or by addressing your mail to:

Privacy & Data Usage Officer
Mastercard Asia/Pacific Pte Ltd
3 Fraser Street
DUO Tower, Level 17
Singapore 189352

For all other enquiries about your Mastercard card and your purchase, you must contact your Issuing Bank or the participating merchant. More information about how to contact them can be found on their respective websites.



Tarikh Kuat Kuasa: 6 November 2017

MASTERCARD PRICELESS SPECIALS MALAYSIA - DASAR PRIVASI

Mastercard menghormati kerahsiaan anda. Dasar Privasi ini menerangkan cara kami memproses data peribadi, jenis data peribadi yang dikumpul, tujuan data peribadi itu digunakan, dengan siapa data itu dikongsi, dan pilihan yang anda boleh buat berhubung penggunaan data peribadi tersebut oleh kami. Kami juga menerangkan langkah yang kami ambil untuk melindungi keselamatan data peribadi itu dan cara anda boleh menghubungi kami bagi penerangan amalan privasi kami.

Mastercard Asia/Pacific Pte Ltd ("**Mastercard**") ialah entiti yang bertanggungjawab memproses data peribadi anda bagi tujuan **Mastercard Priceless Specials Malaysia** ("**Program**"). Lawatan anda ke <https://www.specials.mastercard.com.my/>, "**Laman Web**") dan penyertaan anda dalam Program adalah tertakluk kepada Dasar Privasi Global ini dan [Syarat Penggunaan](#) kami.

Dasar Privasi ini terpakai untuk data peribadi yang dikumpul melalui Program ini sahaja. Dasar ini tidak merangkumi pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda di mana-mana laman web berjenama Mastercard atau oleh pengeluar Kad Mastercard (contohnya, bank anda) atau apa-apa maklumat atau komunikasi lain yang mungkin merujuk Mastercard di luar Program (contohnya, komunikasi daripada pihak bank, pengeluar kad). Untuk maklumat lanjut tentang amalan privasi Mastercard di luar skop Program, sila layari Dasar Privasi Global kami di www.mastercard.com.

Kanak-kanak dan orang bawah umur (berumur kurang daripada 18 tahun) tidak layak mendaftar dalam Program.

Klik pautan di bawah untuk pergi ke bahagian yang disenaraikan:

1. [Data Peribadi yang Kami Kumpul](#)
 - 1.1 [Data Peribadi yang Anda Berikan kepada Kami Secara Terus](#)
 - 1.2 [Data Peribadi yang Kami Kumpul Secara Automatik](#)
2. [Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi yang Dikumpul](#)
3. [Hak dan Pilihan Anda](#)
4. [Maklumat yang Kami Kongsi](#)
5. [Pemindahan Data](#)
6. [Pautan ke Laman Web Lain](#)
7. [Keselamatan Data](#)
8. [Pengemaskinian Dasar Privasi Ini](#)
9. [Cara Menghubungi Kami](#)

2. [Data Peribadi yang Kami Kumpul](#)

Kami mengumpul data peribadi bagi tujuan Program. Data peribadi bermaksud "apa-apa maklumat berkaitan orang sebenar yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti". Data peribadi yang kami proses ialah data yang diberikan secara terus oleh anda atau dikumpul secara automatik.



2.1 Data peribadi yang Anda Berikan kepada Kami Secara Terus

Data peribadi yang anda berikan secara terus kepada kami diproses dan digunakan hanya bagi tujuan yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini. Data peribadi yang anda berikan bagi tujuan Program tidak diwajibkan melainkan ditanda sebaliknya bagi tujuan memberikan anda perkhidmatan kami. Jika anda memilih untuk tidak memberikan beberapa data, perkara ini mungkin mempengaruhi cara anda melayari Laman Web atau perkhidmatan yang boleh kami tawarkan kepada anda. Sila rujuk maklumat di bawah tentang cara anda boleh memberikan data ini, jenis data yang boleh anda berikan, dan cara kami mungkin menggunakan data tersebut.

Proses Pendaftaran: Anda boleh mendaftar dalam Program melalui Laman Web. Bagi tujuan pendaftaran Program, anda hendaklah memberikan kepada kami beberapa data peribadi anda seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon bimbit dan nombor akaun kad. Pemberian data peribadi diperlukan untuk menyertai Program. Mastercard tidak dapat memberikan anda manfaat Program jika data peribadi tidak diberikan. Bagi menyempurnakan pendaftaran, anda hendaklah menerima Syarat Penggunaan dan Dasar Privasi yang terpakai untuk Program.

Komunikasi Pemasaran dan Tawaran: Semasa proses pendaftaran, anda boleh memilih untuk menerima komunikasi pemasaran melalui e-mel dan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) supaya kami boleh memberitahu anda jika terdapat tawaran atau peluang yang berkaitan.

Bagi tujuan menghantar komunikasi pemasaran ini, kami menggunakan data peribadi anda seperti nama, nombor telefon bimbit atau alamat e-mel. Anda boleh, pada bila-bila masa dan secara percuma, memilih untuk tidak menerima apa-apa pemberitahuan dengan menggunakan fungsi tarik diri pelanggan yang terdapat dalam e-mel atau SMS yang dihantar kepada anda, atau melalui halaman "Hubungi Kami (*Contact Us*)" di Laman Web. Anda juga boleh menggunakan bahagian "Urus profil anda (*Manage your profile*)" bagi memilih untuk tidak menerima komunikasi pemasaran atau menentukan mana-mana, jika ada, komunikasi pemasaran yang anda ingin terima.

Akaun anda: Pada bila-bila masa selepas log masuk, anda boleh mengakses akaun anda dengan mengklik "Urus profil anda". Apabila anda berjaya memasuki halaman Akaun Saya (*My Account*), anda boleh melihat atau mengubah butiran peribadi anda (contohnya, nama, alamat e-mel, kata laluan) dan menguruskan langganan e-mel anda. Anda juga boleh memilih untuk menyahktifkan akaun Program dengan menghubungi kami di halaman "Hubungi Kami" pada Laman Web.

Jika anda tidak lagi mahu menerima manfaat daripada Program, anda boleh meminta untuk membatalkan akaun anda. Sila ambil maklum bahawa jika anda membatalkan akaun, kami tidak boleh mengumpul atau menggunakan data peribadi anda dan anda tidak akan menerima manfaat daripada Program.

Khidmat Pelanggan: Jika anda menghubungi kami melalui khidmat pelanggan, anda akan dikehendaki memberikan maklumat peribadi (seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon) bagi membolehkan kami menghubungi anda untuk menjawab pertanyaan anda, membantu menyelesaikan kemusykilan dan memberikan khidmat pelanggan.

2.2 Data Peribadi yang Kami Kumpul Secara Automatik



Kami, dan penyedia perkhidmatan kami, mungkin mengumpul maklumat tertentu secara automatik (contohnya, kuki, fail log, penanda web (*web beacons*)) apabila anda menyertai Program. Data yang kami kumpul mungkin termasuk: alamat IP, alamat IP peranti mudah alih, pengenal pasti unik peranti mudah alih, jenis pelayar dan data pengesetan (seperti resolusi skrin, kedalaman warna, pengesetan zon masa, sambungan dan pemalam pelayar, fon, dll), sistem operasi, URL rujukan dan maklumat tentang tindakan yang diambil atau interaksi dengan aset digital kami. Maklumat yang dikumpul secara automatik diproses bagi tujuan seperti yang dikenal pasti dalam bahagian 2 Dasar Privasi ini bagi menambah baik Program dan Laman Web, melaksanakan analisis data untuk menilai penggunaan Program dan Laman Web, dan apa-apa interaksi dengan laman web lain (contohnya, laman web media sosial) dan menyediakan maklumat dan perkhidmatan terbaik kepada anda. Maklumat yang kami kumpul dengan cara ini memberitahu kami, contohnya, bilangan pengguna yang melawat laman web kami dan halaman yang diakses, sama ada anda pernah melawat laman web kami sebelum ini atau anda ialah pelawat baharu, dan membantu kami mengenal pasti ciri yang paling anda sukai. Maklumat ini juga membolehkan kami menambah baik dan meningkatkan pengalaman pelayaran anda. “Kuki” ialah fail teks yang diletakkan dalam pemacu keras komputer oleh pelayan web. “Penanda web,” juga dikenali sebagai tag Internet, tag piksel atau GIF kosong, digunakan untuk menghantar kembali maklumat ke pelayan web.

Maklumat Pelayar

Selain data di atas, kami, dan penyedia perkhidmatan kami, mungkin mengumpul data pelayar daripada peranti anda secara automatik. Data pelayar mengandungi maklumat tentang pengesetan konfigurasi pelayar yang anda gunakan untuk mengakses Program. Maklumat ini termasuk resolusi skrin dan kedalaman warna, pengesetan zon masa, sambungan dan pemalam yang dipasang pada pelayar dan versinya, fon yang digunakan pada pelayar, rentetan agen pengguna dan data lain yang serupa. Data ini digunakan untuk menghasilkan pengenal pasti unik pelayar yang digunakan untuk mengakses Program bagi mengingatkan pilihan yang dibuat oleh pelayar tersebut dan membantu menghalang penipuan serta meningkatkan keselamatan Program dan Laman Web. Kami mungkin menawarkan pengguna Program pilihan untuk tidak membenarkan pengumpulan dan pengenalpastian data pelayar melalui Alat Kebenaran Kuki kami.

Analisis Pihak Ketiga

Kami mungkin menggunakan perkhidmatan analisis web. Penyedia analisis yang menyediakan perkhidmatan ini menggunakan teknologi seperti kuki dan penanda web untuk membantu kami menganalisis cara pengguna menggunakan Program. Anda juga boleh memilih untuk tidak membenarkan analisis melalui Alat Kebenaran Kuki pada Laman Web. Sila lihat bahagian “Hak dan Pilihan Anda” dalam Dasar Privasi ini untuk mengetahui keupayaan anda untuk tidak memilih atau mengehadkan penggunaan cara anda melayari web bagi tujuan pengiklanan berdasarkan tingkah laku dalam talian.

Pengiklanan Tersuai

Kami, dan penyedia perkhidmatan kami, juga mungkin mengumpul maklumat tentang interaksi anda dengan Program dan Laman Web untuk digunakan dalam penyediaan kandungan dan pengiklanan yang sesuai dengan minat anda. Kami juga mungkin menggunakan data peribadi anda dan maklumat lain tentang anda yang diperolehi daripada syarikat yang menggunakan atau membantu penggunaan produk atau perkhidmatan Mastercard yang lain dan daripada sistem maklumat yang tersedia kepada awam untuk pengiklanan dan tawaran yang mungkin anda minati. Anda mungkin melihat iklan tertentu di laman web lain kerana kami (dan rakan niaga kami) menggunakan data yang dikumpul melalui Program dan Laman Web untuk membuat iklan yang bersesuaian dengan anda di laman web



pihak ketiga. Pengumpulan dan penggunaan ini membolehkan kami mensasarkan mesej kepada pengguna berdasarkan demografi, minat dan konteks. Sehubungan dengan penyediaan iklan yang khusus untuk anda, pihak ketiga di laman web kami mungkin menjejak aktiviti dalam talian anda pada masa depan dan di laman web pihak ketiga dengan mengumpul maklumat secara automatik, termasuk melalui penggunaan kuki, log pelayan web dan penanda web. Maklumat yang dikumpul termasuk maklumat tentang lawatan anda ke laman web tertentu, halaman atau iklan yang anda lihat dan aktiviti anda di laman web tersebut. Pengumpulan data ini berlaku di Laman Web dan laman web pihak ketiga. Proses ini juga membantu kami menilai keberkesanan usaha pemasaran kami. Sila lihat bahagian “Hak dan Pilihan Anda” dalam Dasar Privasi ini untuk tidak memilih atau mengehadakan penggunaan cara anda melayari web bagi tujuan pengiklanan berdasarkan tingkah laku dalam talian.

Penanda Web dan Penjejakan E-mel

Apabila kami menghantar e-mel kepada individu yang mempunyai akaun Program yang berdaftar, kami boleh menjejak aktiviti seperti siapa yang membuka e-mel dan siapa yang mengklik pada pautan. Kami melakukannya untuk mengukur prestasi e-mel dan menambah baik ciri kami. Untuk melakukannya, kami memasukkan gif piksel tunggal, juga dipanggil penanda web, dalam e-mel yang kami hantar. Penanda web membolehkan kami mengetahui sama ada e-mel telah dibuka dan bilangan klik dalam e-mel tersebut. Kami menggunakan data daripada penanda web tersebut untuk membuat laporan tentang prestasi kempen e-mel dan tindakan yang diambil oleh individu bagi e-mel tersebut (contohnya, pautan yang diklik). Jika anda tidak mahu kami menjejak e-mel yang dihantar kepada anda, sesetengah perkhidmatan e-mel membolehkan anda untuk melaraskan paparan anda dengan menutup HTML atau melumpuhkan muat turun imej yang dapat menghalang penjejakan e-mel kami dengan berkesan.

2. Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi yang Kami Kumpul

Kami akan menggunakan data peribadi anda yang kami peroleh untuk:

- membuat dan menguruskan akaun dalam talian anda, menyediakan Program dan menjawab pertanyaan anda;
- mengesahkan maklumat kad pembayaran anda;
- menganalisis semua transaksi yang dibuat dengan kad berjenama yang berdaftar dengan Program untuk mengira ganjaran, memberikan atau menyediakan ganjaran kepada anda, dan menyediakan maklumat program yang relevan kepada anda;
- memberikan ganjaran kepada anda;
- pemeriksaan keselamatan bagi mengesahkan identiti individu atau kelayakan individu untuk Program;
- menyediakan, memberikan dan berkomunikasi dengan anda tentang produk, perkhidmatan dan promosi termasuk paparan kandungan dan iklan yang khusus;
- melindungi daripada dan menghalang penipuan, transaksi yang tidak dibenarkan, tuntutan dan liabiliti lain, dan mengurus risiko pendedahan dan kualiti francais;
- menjalankan, menilai dan menambah baik perniagaan kami (termasuk dengan membangunkan produk dan perkhidmatan baharu; menguruskan komunikasi kami; menentukan keberkesanan iklan kami, menganalisis produk, perkhidmatan dan laman web kami; memudahkan fungsi laman web kami; dan menjalankan aktiviti perakaunan, pengauditan, pembayaran bil, penyesuaian dan pengumpulan);
- menyediakan laporan dalaman untuk kegunaan Mastercard atau anggota gabungannya, kakitangan, pengurusan dan perunding dalam menjalankan, menilai dan mengurus perniagaan Mastercard;

- tidak menamakan data peribadi, menyediakan dan memberikan laporan data teragregat yang menunjukkan maklumat tidak bernama (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut: kompilasi, analisis, model dan peraturan analisis dan jangkaan, dan laporan teragregat lain) bagi tujuan penerangan kepada pelanggan dan rakan niaga kami berkenaan corak perbelanjaan, penebusan dan dapatan lain pada masa lepas dan yang mungkin berlaku pada masa depan yang boleh diambil daripada data ini;
- menguatkuasakan [Syarat Penggunaan](#) kami;
- memastikan pematuhan keperluan undang-undang terpakai, standard industri dan dasar kami;
- mengaudit, memantau penggunaan dan menambah baik aset interaktif kami, termasuk Laman Web; dan
- seperti yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan terpakai atau diminta oleh apa-apa proses undang-undang atau agensi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Mastercard atau anggota gabungan Mastercard.

3. Hak dan Pilihan Anda

Anda mungkin mempunyai hak tertentu di bawah undang-undang terpakai berhubung data peribadi anda yang kami simpan. Kami menawarkan kepada anda pilihan tertentu tentang data peribadi yang dikumpul daripada anda, cara kami menggunakan maklumat tersebut, dan cara kami berkomunikasi dengan anda.

- **Maklumat Akaun dan Pilihan Pemasaran:** Jika anda mempunyai akaun Program, anda boleh mengakses akaun anda pada bila-bila masa dengan log masuk akaun anda. Anda boleh melihat atau mengubah maklumat peribadi anda dan menentukan pilihan pemasaran anda dengan log masuk Laman Web dan mengubah pilihan anda di situ. Anda boleh, pada bila-bila masa, memberitahu kami untuk tidak menghantar komunikasi pemasaran melalui e-mel atau SMS dengan menggunakan fungsi tarik diri pelanggan yang terdapat dalam e-mel atau SMS yang dihantar kepada anda atau mengubah pengesetan di halaman pilihan pada akaun anda. Kami akan mematuhi pilihan anda selepas itu. Dalam keadaan tertentu, menarik balik kebenaran anda terhadap penggunaan atau pendedahan data peribadi anda oleh kami akan bermaksud anda tidak dapat memanfaatkan produk atau perkhidmatan tertentu.
- **Analisis Pihak Ketiga:** Seperti yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan perkhidmatan analisis web pihak ketiga untuk menganalisis cara anda menggunakan Program, penggunaan Laman Web dan laman web Mastercard yang lain. Anda juga boleh memilih untuk tidak membenarkan analisis pada Laman Web melalui Alat Kebenaran Kuki.
- **Pengiklanan berdasarkan Tingkah Laku dalam Talian dan Pilihan Kuki Lain:** Kami mungkin menawarkan pilihan kepada pengguna Program dan pelawat Laman Web untuk menetapkan pilihan kuki mereka melalui Alat Kebenaran Kuki yang dipaparkan pada Laman Web. Pelayar anda akan memberitahu anda cara maklumat diberikan dan cara membuat pilihan untuk tidak menerima jenis kuki tertentu, termasuklah kuki analisis dan pengiklanan.

Jika dikehendaki oleh undang-undang, Mastercard memperoleh kebenaran terlebih dahulu daripada anda semasa pengumpulan maklumat untuk memproses (i) data peribadi bagi tujuan pemasaran, (ii) data peribadi yang dianggap sensitif mengikut undang-undang terpakai, atau (iii) data peribadi yang digunakan untuk aktiviti pemrosesan maklumat lain yang mungkin memerlukan kebenaran anda.

Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, anda berhak meminta akses kepada dan menerima maklumat tentang data peribadi anda yang kami simpan, mengemaskini dan memperbetulkan kesalahan pada data peribadi anda, membantah pemrosesan data peribadi anda dan menyekat atau



menghapuskan maklumat tersebut, mengikut kesesuaian. Hak untuk mengakses maklumat peribadi mungkin terhad dalam keadaan tertentu disebabkan keperluan undang-undang tempatan. Untuk mengemas kini pilihan anda, sila minta kami mengeluarkan maklumat anda daripada senarai mel kami atau hantarkan permintaan akses. Sila hubungi kami seperti yang dinyatakan dalam bahagian “[Cara Menghubungi Kami](#)” di bawah.

3. Maklumat yang Kami Kongsi

Kami tidak mendedahkan data peribadi yang dikumpul untuk Program, melainkan seperti yang diterangkan di sini.

Kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan ibu pejabat dan anggota gabungan kami, termasuk Mastercard International Inc. Kami juga mungkin berkongsi data peribadi anda dengan penyedia perkhidmatan yang kami gunakan untuk memberikan perkhidmatan bagi pihak kami dan berkaitan tujuan yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini. Contohnya termasuk penyedia platform operasi dan penyedia perkhidmatan e-mel. Kami mengkehendaki mereka untuk hanya memproses data mengikut arahan kami dan menjamin keselamatan data tersebut. Penyedia perkhidmatan ini tidak dibenarkan oleh kami untuk menggunakan atau mendedahkan maklumat, kecuali jika perlu untuk menyediakan perkhidmatan bagi pihak kami atau mematuhi keperluan undang-undang. Kami mengikat kontrak dengan penyedia perkhidmatan ini untuk menjaga kerahsiaan dan keselamatan data peribadi yang mereka proses bagi pihak kami.

Kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan penyedia kewangan anda atau institusi kewangan yang mengeluarkan kad anda bagi tujuan memberikan ganjaran kepada anda, dan memberitahu anda tentang pemberian ganjaran tersebut.

Selain itu, kami mungkin mendedahkan data peribadi anda (i) jika kami dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau disebabkan proses undang-undang, (ii) sebagai maklum balas terhadap permintaan daripada mahkamah, pihak berkuasa undang-undang atau pegawai kerajaan, atau (iii) apabila kami percaya pendedahan adalah perlu atau wajar untuk menghalang kecederaan fizikal atau kehilangan wang atau berkaitan siasatan aktiviti jenayah yang sebenar atau yang disyaki.

Kami berhak memindahkan apa-apa data anda jika kami menjual atau memindahkan semua atau sebahagian daripada perniagaan atau aset kami. Jika berlaku penjualan atau pemindahan tersebut, kami akan berusaha sewajarnya untuk memastikan penerima pindahan menggunakan data peribadi yang anda berikan melalui Program dengan cara yang selaras dengan Dasar Privasi ini.

Selain itu, kami juga mungkin berkongsi data teragregat atau tanpa nama dengan pihak ketiga bagi apa-apa tujuan yang sah di sisi undang-undang.

4. Pemindahan Maklumat

Kami mungkin memindahkan data peribadi ke negara selain daripada negara asal di mana data itu dikumpul. Negara itu mungkin tidak mempunyai undang-undang perlindungan data yang sama dengan negara asal maklumat diberikan. Apabila kami memindahkan data peribadi anda ke negara lain, kami akan melindungi maklumat tersebut seperti yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini.



Mastercard merupakan perniagaan global. Untuk menawarkan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu memindahkan data peribadi anda ke beberapa negara termasuklah Amerika Syarikat, iaitu ibu pejabat kami. Kami mematuhi keperluan undang-undang terpakai dengan menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pemindahan maklumat peribadi ke negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah atau Switzerland.

5. Pautan ke Laman Web Lain

Di Laman Web, kami menyediakan pautan ke laman web lain untuk kemudahan anda. Khususnya, Program akan menyediakan pautan kepada peniaga yang tawarannya mungkin anda sukai. Laman web ini beroperasi bebas daripada Program dan bukan di bawah kawalan kami. Laman web ini mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri, dan kami sangat menyarankan anda membacanya apabila anda melawat laman web tersebut. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kandungan laman web ini, apa-apa produk atau perkhidmatan yang mungkin ditawarkan pada laman web ini, aktiviti pemprosesan data yang dikendalikan melalui laman web ini, atau apa-apa penggunaan lain laman web ini.

6. Keselamatan Data

Kami memastikan perlindungan pentadbiran, teknikal dan fizikal yang sesuai bagi melindungi data peribadi daripada kemusnahan yang tidak disengajakan atau menyalahi undang-undang, kehilangan yang tidak disengajakan, pengubahsuaian yang tidak dibenarkan, pendedahan atau akses yang tidak dibenarkan, penyalahgunaan, dan apa-apa bentuk pemprosesan data peribadi anda yang kami miliki yang menyalahi undang-undang.

Apabila anda memberikan data peribadi dalam talian, kami menggunakan standard industri untuk penyulitan di internet - teknologi Lapisan Soket Selamat (SSL) - untuk membantu melindungi maklumat yang anda berikan. Standard penyulitan internet ini mencampuradukkan data semasa dipindahkan daripada peranti anda ke pelayan kami. Anda akan mengetahui anda berada di tempat selamat di Laman Web apabila terdapat ikon mangga pada skrin dan awalan "http" pada alamat URL kami berubah kepada "https". "s" bermaksud "selamat". Kami juga menggunakan sijil digital bagi memastikan anda dihubungkan kepada Laman Web yang asli.

Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa pengumpulan atau pemindahan data tidak boleh dijamin sebagai 100% selamat. Oleh itu, walaupun kami berusaha untuk melindungi data peribadi anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan apa-apa pemindahan data.

Kami sama sekali tidak akan meminta kata laluan anda dalam apa-apa komunikasi tidak diminta (termasuk perhubungan yang tidak diminta, seperti surat, panggilan telefon atau mesej e-mel). Jika anda percaya bahawa nama pengguna dan kata laluan anda telah diketahui, sila hubungi kami mengikut arahan yang diberikan dalam bahagian "Cara Menghubungi Kami" di bawah.

7. Pengemaskinian Dasar Privasi Ini

Dasar Privasi ini mungkin dikemas kini secara berkala dan tanpa notis terlebih dahulu kepada anda untuk menunjukkan perubahan dalam amalan kerahsiaan data peribadi kami. Kami akan memaparkan



notis yang jelas pada laman web kami untuk memaklumkan kepada anda tentang apa-apa perubahan ketara terhadap Dasar Privasi kami dan menunjukkan waktu pengemaskinian terbaru pada bahagian atas notis. Selain itu, sekiranya berlaku perubahan material pada Dasar Privasi, anda mungkin diminta untuk menerima sekali lagi Dasar Privasi semasa anda log masuk akaun anda.

8. Cara Menghubungi Kami

Jika anda ingin (i) mendapatkan maklumat lanjut tentang cara kami memproses data peribadi anda atau mengakses data peribadi anda; (ii) memperbetul, menyekat atau menghapuskan apa-apa data peribadi yang berkaitan anda; (iii) menarik balik kebenaran yang anda berikan bagi jenis pemprosesan data tertentu; (iv) menukar pilihan anda atau mengeluarkan alamat e-mel anda daripada senarai mel kami; atau (v) jika anda mempunyai apa-apa soalan, komen atau kemusykilan tentang amalan kerahsiaan kami, sila hubungi kami melalui halaman “Hubungi Kami” di Laman Web, atau hubungi kami dengan menghantar e-mel ke privacyanddatausage@mastercard.com atau hantarkan surat anda ke:

Pegawai Privasi & Penggunaan Data
Mastercard Asia/Pacific Pte Ltd
3 Fraser Street
DUO Tower, Level 17
Singapura 189352

Bagi semua pertanyaan lain tentang kad Mastercard dan pembelian anda, anda hendaklah menghubungi bank yang mengeluarkan kad anda atau peniaga yang terlibat. Maklumat lanjut tentang cara menghubungi mereka boleh didapati di laman web masing-masing.